

24 NOV 2000

Asean-Sidang Kemuncak

PARA PEMIMPIN ASEAN HADIRI SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI

SINGAPURA, 24 Nov (Bernama) -- Para pemimpin 10 negara anggota Asean memulakan perbincangan pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Keempat pagi ini untuk menentukan hala tujuan perkumpulan itu dalam era selepas krisis Asia.

Perkumpulan yang telahpun berusia 33 tahun ini sedang melalui saat-saat getir dan tertekan untuk menyampaikan isyarat yang betul bagi menunjukkan ia mampu bertindak secara bersama selepas kehilangan seri disebabkan krisis dan peralihan politik dalam sesetengah negara anggota.

Topik yang diberi keutamaan dalam agenda sidang kemuncak itu ialah isu penyepaduan ekonomi dan menyediakan rangka kerja untuk mempercepatkan e-dagang di kalangan negara anggota.

Menteri-menteri luar dan ekonomi Asean semalam telah memperhalusi agenda bagi mesyuarat para pemimpin berkenaan untuk dibincang dan disahkan.

Topik dalam agenda itu termasuk projek landasan kereta api Singapura-Kunming. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan taklimat mengenainya kepada para pemimpin kelak.

Malaysia mempengerusikan sebuah jawatankuasa mengkaji kesesuaian pelaksanaan projek bernilai RM9.5 bilion itu.

Isu lain ialah cadangan China untuk membina jalan raya yang menghubungkan Bangkok dan Kunming, kerjasama lebih erat China-Asean, masalah HIV-AIDS, tatacara Laut China Selatan, keselamatan am dan cadangan daripada Kumpulan Tokoh-tokoh Terkemuka.

Para pemimpin itu juga dijadual memeterai Perjanjian Rangka Kerja e-Asean yang meliputi isu-isu seperti liberalisasi, merapatkan jurang penguasaan digital dan kerjasama antara kerajaan dalam menyeragamkan undang-undang dan penandatanganan digital untuk perdagangan.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

MAD MR MA RON